



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

(No. Sebut Harga : PPj/JB/SH(S)/0003/2025)

Tajuk Sebut Harga :

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF LAMPU JALAN KONVENSIIONAL KEPADA LAMPU JALAN JENIS LED DI
JALAN P5, PRESINT 5, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja, dan berdaftar di dalam **Gred G3** dan ke atas, **Kategori MEKANIKAL & ELEKTRIKAL (ME), Pengkhususan E04 (Pemasangan voltan rendah) & E11 (Kerja am elektrik)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **11 APRIL 2025 (JUMAAT)**, jam **10:00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Angsana Aras 5, Blok A, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan seperti di dalam SPKK adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **SPKK** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **15 APRIL 2025 (SELASA)** hingga **21 APRIL 2025 (ISNIN)** dengan bayaran **RM50.00** secara atas talian (online) melalui laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **24 APRIL 2025 (KHAMIS)**.
5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my
6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my>, portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.jpj.gov.my/ms/tender-sebutharga>.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat bantuan.coins@ppj.gov.my.

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.